

BULETIN SINEMA RABU@CMTHub

SESI TAYANGAN DAN DISKUSI DWI-MINGGUAN



THE SCENT OF GREEN PAPAYA
(Vietnam)



BOY FROM HEAVEN
(Sweden/Perancis/ Finland)



GAMAK GHAR
(India)

SUDUT PANDANG KURATOR BICARA FILEM JURNAL SINEMA RABU BOY FROM HEAVEN THE SCENT OF GREEN PAPAYA
GAMAK GHAR KIRIMAN ULASAN FILEM ULASAN FILEM (APA KATA MEREKA?) **DISKUSI & WACANA FILEM (TRANSKRIP)**
JADUAL TAYANGAN **KOLEKSI BACAAN**



03

BIL. 3
OKTOBER 2024

BULETIN SINEMA RABU@CMTHub

SESI TAYANGAN DAN DISKUSI DWI-MINGGUAN

SIDANG REDAKSI

Penasihat

PROF MADYA TS. DR. WAN AIDA WAN YAHAYA
DR. SYAHRUL FITHRI MUSA

Kurator

DR. NORMAN YUSOFF

Editor

PROF MADYA TS. DR. WAN AIDA WAN YAHAYA
DR. SYAHRUL FITHRI MUSA

Editor Bersekutu

MOHD KAMIL HJ MOHAMED NOR
NARIZA VERSAY KUDUS
NUR HIDAYAH REFINGI
NURUL ANIS EZZAH ABDUL JALIN

Pereka Grafik

MOHD SHARIMAN MAT SOPARI

Fotografi

NURUL ANIS EZZAH ABDUL JALIN
MOHAMAD ZHARIF FARID RIZAL
MUHAMMAD AMIRUL RASYID ROSLI
SHARIFAH NORLIYANA SYED KHAIDZIR

Teknikal & Pentadbiran

NUR HIDAYAH REFINGI
MUHAMMAD HAFIDZ ZAINUDDIN
LYDIA HANI MAZNIZAM
MOHAMAD ZHARIF FARID RIZAL
MUHAMMAD AMIRUL RASYID ROSLI
SHARIFAH NORLIYANA SYED KHAIDZIR
MUHAMMAD HAFIZUL BASSYAM MD NIZAM

eISSN :

Hak cipta terpelihara diterbitkan oleh
Hab Media, Kreatif & Teknologi, Universiti
Teknologi MARA. Tidak dibenarkan
mencetak semula mana-mana bahagian
teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini
dalam apa jua bentuk sama ada secara
elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman
atau cara lain kecuali dengan keizinan
bertulis dari penerbit.

HAB MEDIA KREATIF DAN TEKNOLOGI
(CMTHub),
KOLEJ PENGAJIAN SENI KREATIF,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR.

eBuletin diterbitkan secara kekerapan
bulanan.

SINEMA RABU @ CMTHub

HALAMAN

04

Sudut Pandang
Kurator

06

Bicara Filem:
Dr. Syahrul Fithri
Musa

09

Jurnal Sinema
Rabu

11

Kiriman ulasan
filem

12

Ulasan Filem
(Apa Kata
Mereka?)

15

Transkrip
Diskusi &
Wacana Filem

40

Jadual Tayangan

41

Koleksi Bacaan

Sorotan Menarik

SUDUT

PANDANG

SINEMA RABU@CMTHub

**RABU
2:00 PETANG
RUANG MEDIA
KREATIF &
DIGITAL**

KURATOR



Dr. Norman Yusoff

Program Sinema Rabu@CMTHub yang telah bermula 26 Jun 2024 lalu terus berjalan membawakan filem-filem berprestij dari seantero dunia. Dari pertengahan Mei hingga ke pertengahan Jun 2024, tiga lagi filem yang telah ditayangkan: *Boy From Heaven*, *The Scent of Green Papaya* & *Gamak Ghar*. Diharapkan filem-filem ini dapat mengasah dan membina kecekapan dan apresiasi kita bukan sahaja terhadap filem semata-mata, tetapi juga seni dan kreativiti (secara umumnya).

THE SCENT OF GREEN PAPAYA
10 Julai 2024

Tidak dinafikan, filem-filem ini adalah 'jendela' yang meneruskannya kita dapat mengenal dan memahami masyarakat di negara lain – sejarah, sosial, politik dan budaya mereka. Selain itu, filem-filem ini diharap dapat berperanan sebagai sumber hikmah dalam memberi cerminan terhadap diri, persekitaran dan kehidupan kita.

Tidak kurang juga yang mendakwa filem ini dapat menghubungkan mereka secara peribadi berdasarkan pengalaman keluarga atau pun pengalaman individu, termasuk dalam konteks isu gender. Ini kerana karya ini bukan sekadar berfokus kepada keganasan rumah tangga tetapi turut menonjolkan subjektiviti maskulin yang bermasalah lagi kompleks. Manakala dalam banyak hal, *Once Were Warriors* perlihatkan sosok wanita (si isteri dan ibu) yang kental mengharungi dan mempertahankan rumahtangganya, dan pada masa yang sama terpaksa berhadapan dengan si suami yang bersimpang antara sifat romantis dan penyayang dengan sifat bengis lagi kurang bertanggungjawab.

Yang juga signifikan adalah lapisan naratif yang mempermasalahkan pertembungan nilai antara tradisi dan kemodenan dalam konteks masyarakat Maori. Pengarah Lee Tamahori (yang selepas kejayaan filem ini dilamar Hollywood)

mengimbangi antara detik-detik yang puitis menerusi paparan landskap dan budaya khusus dengan babak-babak sadis yang menyulitkan untuk ditonton. Tamahori memerihalkan pergelutan dan kelangsungan hidup sebuah keluarga dalam milieu yang malap dengan sinar harapan.


Once Were Warriors adalah karya ikonik, berpengaruh dan meninggalkan impak besar terhadap sinema New Zealand dan khalayaknya. Diadaptasi dari novel karya Alan Duff, resepsi filem ini begitu luar biasa hingga sekuelnya, *What Becomes of the Broken Heart?* (1999) dihasilkan lima tahun selepas kejayaan besar *Once Were Warriors* secara kritikal dan komersialnya. Naratifnya berkisar kepada sebuah keluarga Maori kelas pekerja di Auckland yang berada di ambang kehancuran, akibat pengemudi keluarga ini yang pemabuk, panas-baran dan ganas. Aspek yang paling diingati adalah lakonan yang cukup menggetarkan – justeru menjadikan filem ini getir, tegang lagi mengharukan. Hal ini turut mendapat perhatian khalayak yang hadir menyaksikan filem ini, yang rata-ratanya terkesan dan kagum dengan lakonan yang padu lagi berkuasa.

Filem kelima yang dilayarkan adalah *Perfect Days*, karya yang cukup unik kerana tanpa kelaziman dan struktur plot lebih menyerlahkan aktiviti harian seorang lelaki bujang pertengahan usia yang bekerja sebagai pencuci tandas awam di Tokyo. *Perfect Days* cuba memperlihatkan sisi indah kehidupan berseorangan protagonisnya, walaupun kehidupan harian beliau ditadbir rutin dan rincian kerja dan pelbagai aktivitinya seperti mendengar muzik, membaca dan mengambil foto. Kehidupan dan aktiviti beliau mengimbau hal-hal 'retro' atau merujuk yang asal mahupun semulajadi, kesemuanya menyorotkan kontras terhadap hal-hal dunia moden lagi kontemporari. Contohnya, mendengar lagu/muzik rock Amerika dan British era 1960-an dan 70-an dengan menggunakan pita kaset; membeli buku-buku di kedai buku terpakai; dan menangkap gambar-gambar pokok. Sememangnya pokok menjadi motif sinematik (imej yang berulang sepanjang filem). Setiap pagi beliau juga turut menyiram tanaman kecil di rumahnya, selain salah sebuah buku yang dibeli dan dibacanya juga adalah tentang pokok. Malah, pepohonan turut terjelma dalam beberapa sekuen mimpinya dalam hitam-putih.

Filem kelima yang dilayarkan adalah *Perfect Days*, karya yang cukup unik kerana tanpa kelaziman dan struktur plot lebih menyerlahkan aktiviti harian seorang lelaki bujang pertengahan usia yang bekerja sebagai pencuci tandas awam di Tokyo. *Perfect Days* cuba memperlihatkan sisi indah kehidupan berseorangan protagonisnya, walaupun kehidupan harian beliau ditadbir rutin dan rincian kerja dan pelbagai aktivitinya seperti mendengar muzik, membaca dan mengambil foto. Kehidupan dan aktiviti beliau mengimbau hal-hal 'retro' atau merujuk yang asal mahupun semulajadi, kesemuanya menyorotkan kontras terhadap hal-hal dunia moden lagi kontemporari. Contohnya, mendengar lagu/muzik rock Amerika dan British era 1960-an dan 70-an dengan menggunakan pita kaset; membeli buku-buku di kedai buku terpakai; dan menangkap gambar-gambar pokok. Sememangnya pokok menjadi motif sinematik (imej yang berulang sepanjang filem). Setiap pagi beliau juga turut menyiram tanaman kecil di rumahnya, selain salah sebuah buku yang dibeli dan dibacanya juga adalah tentang pokok. Malah, pepohonan turut terjelma dalam beberapa sekuen mimpinya dalam hitam-putih.



GAMAK GHAR
24 Julai 2024



BOY FROM HEAVEN
26 Jun 2024

Filem Filipina, *Thy Womb*, yang merepresentasi masyarakat Bajau Laut di selatan Filipina adalah filem keenam yang dibawakan program ini. Seperti *Once Were Warriors* dan *Perfect Days*, *Thy Womb* turut menampilkan lakonan memberangsangkan, terutamanya daripada Nora Aunor, primadona sinema Filipina yang memerankan watak Shaleha, seorang bidan tradisional Muslim yang tidak dapat memberikan si suami zuriat. Si suami pula enggan mengambil anak angkat lalu meminta izin untuk beliau beristeri lagi. Shaleha melakukan pengorbanan besar dengan cuba menjejaki isteri kedua bagi suaminya, selain bergolok-bergadai (dengan sumber kewangan) untuk mendapatkan mas kahwin. Tidak dapat dinafikan kekuatan filem ini terletak pada Shaleha, sosok wanita Muslim yang kompleks dan teguh secara dalamannya, dengan cinta dan pengorbanannya yang tidak bertepi. Hakikat ini menyebabkan Shaleha memendam dan menyembunyikan rasa nestapanya. Antara babak yang cukup mengesankan adalah ketika Shaleha di tikar sejadah sedang berzikir (selepas bersolat) dengan kamera Mendoza menangkap raut dan ekspresi wajahnya dengan takungan air matanya secara perlahan-lahan mengalir keluar membasahi pipi.



PENULIS
DR SYAHRUL FITHRI MUSA

Untuk edisi kali ini Sinema Rabu @CMTHub menampilkan tiga lagi filem yang menampilkan kekuatan sinematik dan persoalan kritikal yang berbeza. *The Scent of Green Papaya* (1993), *Boy from Heaven* (2022) dan *Gamak Ghar* (2019) menjadi pilihan kurator untuk dihadam penonton di Ruang Media Kreatif & Digital dan kemudiannya dibedah bersama-sama. Pada edisi ini juga menyaksikan penonton yang hadir datangnya dari pelbagai latar belakang bidang ilmu yang menjadikan kupasan filem semakin menarik.

BICARA FILEM

THE SCENT OF GREEN PAPAYA

Sunyi yang Indah

BOY FROM HEAVEN

Krisis dan kebenaran yang pedih

GAMAK GHAR

Rumah, Memori, dan Nostalgia yang Kian Hilang

1

Menonton *The Scent of Green Papaya* seakan melalui satu pengalaman meneliti visual-visual tentang hubungan antara alam, masa lalu, dan kehidupan manusia dalam konteks budaya Vietnam sebelum perang. Filem ini membawa kita ke dalam ruang domestik yang tenang, namun penuh dengan perincian yang merakam lapisan-lapisan kehidupan yang tersembunyi. Watak Muoi, seorang gadis pembantu rumah, adalah cerminan bagaimana manusia sering kali terperangkap dalam kekangan sosial dan kelas, namun masih menemukan ruang untuk menghubungkan dirinya dengan alam di sekitarnya. Papaya hijau yang menjadi simbol utama filem ini mewakili kesegaran dan kehidupan yang berkembang di tengah-tengah kekangan ini. Filem ini seakan memberi bukti bahawa alam tidak pernah gagal menawarkan ketenangan dan kelangsungan hidup, walaupun manusia terikat dengan struktur sosial yang keras. Biar pun hampir keseluruhan lokasi filem ini di dalam rumah, pendekatan pengarah berjaya mewujudkan hubungan manusia dan alam dengan begitu intim dan mempersonakan.

Filem ini juga menawarkan satu bentuk naratif yang lembut tetapi mendalam, di mana setiap pergerakan, setiap sentuhan pada alam sekitar, menceritakan sesuatu tentang diri manusia dan hubungan mereka dengan dunia. Pengarah menggunakan visual dengan penuh cermat, di mana setiap bingkai berfungsi sebagai cerminan masa yang bergerak perlahan, menyerap setiap detik, setiap aliran air, setiap daun papaya yang disentuh dengan lembut. Keindahan filem ini terletak pada cara ia membawa penonton merenung ke dalam perincian-perincian kecil kehidupan harian yang sering terlepas pandang, namun penuh dengan makna. Perincian-perincian ini juga dapat dilihat dari ukiran-ukiran kayu dalam kebanyakan perabot rumah yang halus dan rumit.

The Scent of Green Papaya juga boleh dilihat sebagai renungan terhadap bagaimana penjajahan dan perubahan sosial mempengaruhi identiti dan budaya. Walaupun latarnya nampak damai, di bawah permukaan wujud ketegangan yang halus antara tradisi dan dunia luar yang semakin menghampiri. Pada masa yang sama, terdapat rasa melankolia yang mendalam, di mana papaya hijau menjadi simbol memori yang mengingatkan kita bahawa walaupun masa bergerak, alam dan kehidupan tetap kekal dalam ingatan kita.

Saya juga membaca filem ini sebagai sebuah diskusi senyap antara orang tempatan dan yang asing. Di dalam rumah mewah tuannya, Muoi menjadi simbol keperibadian yang tertekan, dikurung dalam kerangka kelas sosial dan gender. Namun, dalam simbolik papaya hijau dan alam sekitarnya, wujud nostalgia yang mengangkat semula jiwa masyarakat yang dikekang oleh penjajahan, membawa penonton menyelami persoalan hakikat diri dan jati diri.

Saya suka untuk mendekati filem ini dari sudut emosi manusia yang lebih universal. Filem ini berjaya menggambarkan kehidupan dalaman seorang gadis yang sentiasa senyap, tetapi keberadaannya memenuhi setiap inci layar dengan senyuman, ketenangan dan refleksi ringkas. Tran Anh Hung menggunakan elemen visual untuk meneroka waktu, nostalgia, dan kesunyian yang tidak berpenghujung, dengan watak-watak yang jarang berbicara tetapi bercerita melalui gerakan-gerakan kecil, seperti cara Muoi menyentuh papaya hijau, menyiapkan hidangan, atau mengalirkan air ke mangkuk kecil. Ini dilihat sungguh teliti dan mengasyikkan.

Filem ini bukan hanya tentang papaya atau kehidupan seorang gadis muda Vietnam, tetapi mengenai bagaimana manusia, sejarah, dan alam sentiasa berkaitan dalam naratif yang melampaui bahasa dan masa. Setiap papaya hijau adalah serpihan memori yang membawa kita lebih dalam kepada makna keberadaan dan perubahan dunia yang tidak dapat dielakkan.



Dalam filem ini juga membawa dimensi naratif teaterikal yang kuat. Setiap watak bergerak seolah-olah sedang dipentaskan di atas pentas besar politik, dan saya mengandaikan filem ini sebagai sebuah filem yang sangat berani dalam mengungkapkan krisis moral yang dihadapi oleh watak-wataknya, terutamanya Adam, yang mewakili 'manusia biasa' yang terperangkap dalam sistem yang korup. Visual filem ini dipenuhi simbolisme kuasa dan pengasingan, menggambarkan konflik dalaman watak-wataknya dengan berkesan. Penggunaan ruang dan suasana untuk membina ketegangan memberi impak yang mendalam, seolah-olah setiap babak adalah satu lakonan yang berlapis-lapis.

“

Unleashing Potential,
Transforming
Futures



Boy From Heaven, arahan Tarik Saleh, menyingkap sisi gelap perebutan kuasa dan konspirasi dalam sebuah universiti terkemuka di Mesir malah di seluruh dunia Islam. Filem ini membawa persoalan mendalam tentang moral, politik, dan kepercayaan, dengan protagonis, Adam, seorang pelajar yang terperangkap dalam permainan kuasa antara pihak-pihak berkepentingan di sebuah universiti agama. Dalam naratifnya yang penuh kontroversi, Saleh memanfaatkan latar agama untuk mencerminkan bagaimana seorang manusia yang naif sering kali menjadi korban kuasa.

Karya ini memperlihatkan hubungan rapuh antara agama dan politik, mencerminkan realiti semasa dunia Islam. Dalam konteks ini, institusi keagamaan sering kali dipolitikkan dan dimanipulasi untuk kepentingan kuasa. Saya melihat filem ini berfungsi sebagai alegori halus, memperlihatkan bagaimana rejim menggunakan agama sebagai alat untuk mengawal dan menundukkan rakyat, sebuah isu yang sentiasa relevan termasuk dalam konteks Malaysia.

Filem ini juga mencetuskan ketegangan psikologi yang mendalam tanpa bergantung kepada aksi fizikal yang berlebihan. Saya merasakan watak Adam berkembang dengan jelas sepanjang filem, dari seorang pelajar yang naif kepada seseorang yang semakin memahami permainan kuasa di sekelilingnya. Naratif yang ketat, sinematografi yang cermat, dan penggambaran babak-babak yang membina ketegangan secara perlahan-lahan menyumbang kepada kejayaan filem ini dalam memikat penonton yang mencari pengalaman mendalam secara emosional dan intelektual.

Secara keseluruhan, **Boy From Heaven** adalah sebuah filem yang menggabungkan isu-isu kuasa, agama, dan moral dalam sebuah naratif yang padu. Ia bukan sekadar sebuah kisah tentang perebutan kuasa, tetapi juga refleksi mendalam tentang hubungan antara kepercayaan dan realiti, serta perjuangan manusia dalam mencari kebenaran di tengah-tengah kepalsuan. Saya merasakan Tarik Saleh telah menciptakan sebuah karya yang merangsang pemikiran, membawa penonton merenung tentang dinamika kompleks dalam dunia yang penuh cabaran ini.



3



Sejurus selepas menyaksikan filem *Gamak Ghar*, arahan Achal Mishra saya terdiam seketika, bermain difikiran saya tentang beberapa persoalan sambil bingkisan-bingkisan kenangan silih berganti dalam kotak ingatan. Tetapi rasa empati seakan tidak pula hadir secara langsung. Secara peribadi saya merasakan filem ini menggamit memori saya sendiri yang pernah melalui pengalaman 'kehilangan' rumah. Rumah yang menjadi subjek utama (juga 'watak' utama) dalam filem ini yang melangkaui fizikaliti, menjadikannya sebuah perumpamaan tentang memori, nostalgia, dan hilangnya makna yang pernah tersemat dalam sebuah ruang yang dibatasi dengan dinding-dinding bersegi. Persoalannya bukan sekadar sebuah rumah yang kian lapuk, tetapi refleksi tentang identiti yang terhakis perlahan-lahan, seiring peredaran waktu. Dengan setiap sudut rumah yang dirakam dengan paparan sesi-sesi fotografi dalam filem ini, kita merasai kesyahduan kehidupan lampau, kehidupan yang dulunya penuh dengan keriuhan, erat kekeluargaan, namun pada satu ketika di hujung waktu menjadi sunyi, tertinggal dalam keusangan dan kemalapan.

Gamak Ghar menggambarkan perubahan nilai rumah dari satu generasi ke generasi yang lain, di mana generasi muda tidak lagi merasakan keterikatan yang sama terhadap ruang yang kini dianggap sebagai beban, berbanding generasi terdahulu yang melihatnya sebagai tempat istimewa untuk memori dan akar kehidupan. Ini menimbulkan persoalan: apakah yang menjadikan sesuatu tempat itu 'rumah'? Dari perspektif seseorang yang pernah kehilangan rumah, filem ini menawarkan refleksi peribadi yang mendalam, menunjukkan bagaimana rumah sering berubah dan akhirnya hilang, namun kenangan yang tertinggal tetap hidup dalam jiwa, menjadi satu-satunya bukti kewujudan ruang itu suatu ketika dahulu.

Filem ini, memaparkan babak-babak yang penuh pengisian dan menjentik naluri, menawarkan kita ruang untuk merenung tentang makna rumah itu sendiri—adakah ia hanya sebuah tempat untuk kita tinggal berteduh, atau lebih dari itu ia adalah tempat di mana kenangan-kenangan kita hidup selama-lamanya?



26 JUN
2024



Kisah seorang pemuda bernama Adam yang juga merupakan seorang anak nelayan yang dapat melanjutkan pengajian di Universiti Al-Azhar. Adam menjadi mangsa percaturan kuasa antara golongan agamawan dan elit politik Mesir. Filem ini menceritakan pengintipan yang mencengkam dijalin bersama naratif spiritual "menuju dewasa" yang membongkar isu korupsi disebuah institusi unggul dalam ranah pengajian Islam.

ARAHAN

► TARIK SALEH

NEGARA

► SWEDEN/PERANCIS/FINLAND

TAHUN

► 2022

DURASI

► 120 MINIT

“Walad Min Al Janna” filem kontroversi yang menarik ditonton!

Filem arahan Tarik Saleh ini menceritakan tentang percaturan kuasa yang berlaku di sebuah universiti terkemuka dunia iaitu Unversiti Al-Azhar iaitu tentang Perebutan yang bermula dimana Pemimpin Agama Tertinggi Universiti meninggal dunia dan Adam (Pelakon Utama) turut terjebak sama dalam kancah perebutan kuasa antara elit agamawan dan para politik Mesir dalam mencari Pemimpin Agama yang baharu. Filem ini menunjukkan bahawa kenyataan realiti yang pahit untuk ditelan apabila watak memanfaatkan agama untuk kepentingan kuasa.

Melihat dari filem yang ditayangkan, pelbagai perspektif yang boleh dikongsikan bagi filem yang bergenre “political Thriller” ini antaranya tentang isu perebutan kuasa yang turut terjadi walaupun negara berkenaan terkenal dengan amalan keagamaan yang tinggi. Para penonton yang terdiri daripada Pensyarah dan pelajar bijak dalam melontarkan pendapat tentang filem yang agak kontroversi ini kerana isu yang diketengahkan agak sensitif.

Tayangan filem hebat 90an dari Vietnam!



Amalan perhatian adalah penting untuk kehidupan yang mendalam dan bermakna. Hampir semua agama dan budaya di dunia menekankan betapa pentingnya untuk kita sentiasa peka. Akan tetapi, masalahnya ialah kita sering terlelap dan tidak menyedari apa yang berlaku di sekeliling kita kerana cabaran manusia yang sering mengambil mudah dengan hidup atas sebab terbiasa dengan rutin harian dan kurang peka terhadap perkara-perkara penting di sekeliling.



Dalam drama Vietnam ini, seorang gadis petani muda bernama Mui (Lu Man San) diupah untuk bekerja dengan sebuah keluarga berada yang menetap di Saigon. Walaupun nasib keluarga tersebut berubah menjadi buruk, Mui tetap tinggal bersama mereka sebagai pembantu, lalu jatuh hati pada salah seorang teman ahli keluarga mereka, iaitu Khuyen (Vuong Hoa Hoi) yang tampan. Beberapa tahun kemudian, Mui (Tran Nu Yen-Khe) bekerja dengan Khuyen, yang telah menjadi seorang pianis terkenal. Walaupun Khuyen mempunyai teman wanita, dia secara perlahan mula menyedari hubungan kuatnya dengan Mui.

ARAHAN

▶ TRAN ANH HUNG

NEGARA

▶ VIETNAM

TAHUN

▶ 1993

DURASI

▶ 104 MINIT



Secara keseluruhannya, tayangan filem *The Scent of Green Papaya* ini telah berjalan dengan lancar tanpa sebarang isu yang timbul. Pemilihan filem *The Scent of Green Papaya* telah berjaya mewujudkan sesi diskusi yang meriah sepanjang satu jam. Para staf, pensyarah dan pelajar masing-masing berkongsi buah fikir dan input yang menarik terutamanya daripada aspek sinematografi.

GAMAK GHAR SEBUAH FILEM UNTUK KELUARGA

24
JULAI
2024



Gamak Ghar mengisahkan tentang sebuah keluarga yang tinggal di sebuah kampung yang indah tetapi terpencil, di mana tradisi dan adat resam memainkan peranan penting dalam kehidupan mereka. Filem ini memberi tumpuan kepada kehidupan keluarga yang tinggal di rumah kampung tradisional, atau "Gamak Ghar," yang melambangkan warisan budaya mereka dan hubungan erat dalam kehidupan mereka. Melalui kisah peribadi mereka, filem ini juga meneroka tema warisan, ikatan keluarga, dan kesan pemodenan terhadap kehidupan luar bandar.



ARAHAN

► ACHAL MISHRA

NEGARA

► INDIA

TAHUN

► 2019

DURASI

► 91 MINIT



Keseluruhannya, Gamak Ghar adalah gambaran yang reflektif dan emosional tentang bagaimana hubungan keluarga dengan rumah dan tradisi mereka membentuk identiti dan ketahanan mereka dalam menghadapi perubahan.

Sesi diskusi filem berjalan dengan lancar tanpa sebarang isu yang timbul dan berjaya mencapai objektif yang ditetapkan. Sambutan yang diterima sangat memuaskan di mana program berlangsung mengikut tentatif yang dirancang tanpa sebarang masalah sampingan.




Kiriman Ulasan.



BY MUHAMMAD DANISH • 27 JUN 2024


Boy From Heaven (2023) ialah sebuah filem yang menceritakan tentang Adam, seorang pemuda yang berasal dari persisiran laut Mesir yang kemudiannya mendapat tawaran untuk menyambung pengajiannya di Universiti Al-Azhar. Filem ini mengisahkan tentang perjalanan beliau "menuntut ilmu" di institusi yang sangat gah di mata dunia Islam. Namun sebaliknya, "ilmu" yang dipelajarinya adalah amat jauh sekali daripada apa yang disangkakan oleh kebanyakan orang.

Filem ini memberikan kritikan sosial yang sangat berat terhadap situasi politik di negara Mesir serta campur tangan kerajaan di dalam pentadbiran Universiti Al-Azhar. Seperti politik di tempat kerja, Universiti Al-Azhar juga tidak terkecuali untuk mengalami nasib yang sama. Malah situasi mereka lebih rumit dek campur tangan kerajaan di dalam pentadbiran Universiti Al-Azhar yang memberikan impak langsung kepada seluruh rakyat Mesir, malah kepada dunia Islam juga secara tidak langsung. "Ilmu" yang dituntut oleh Adam di Universiti Al-Azhar dalam filem ini bukanlah tentang pengajian yang diketahui umum seperti Pengajian Islam, Kusasteraan Arab dan juga Sains. Namun, Adam belajar tentang perkara diluar kebiasaan pemuda sepertinya. Dia telah dijadikan sebagai salah seorang daripada agen kerajaan untuk mengawal politik dalaman di universiti tersebut tanpa kerelaannya. Adam telah melalui liku-liku sukar yang terpaksa dihadapinya akibat daripada tekanan, dan ugutan pegawai kerajaan yang mengawalinya. Walaupun pengakhiran filem ini kelihatan seperti indah, namun tontonan terhadap kekotoran politik negara Mesir yang telah mencemarkan institusi pendidikan yang terulung ini telah memberikan satu pandangan bahawa sebuah negara yang mempunyai diktator adalah tidak selamat dari keadilan. Ia juga tidak akan selamat daripada campurtangan kerajaan terhadap mana-mana institusi di dalam negara tersebut.



Pengarah di dalam filem ini telah menunjukkan bahawa keseluruhan negara Mesir telah dikawal dalam semua aspek, baik daripada sebesar-besar institusi pendidikan, sehinggalah kepada imam-imam kecil di kampung-kampung. Filem ini juga telah diharamkan untuk ditayangkan di negara Mesir atas alasan politik.

Boy from Heaven (2022) Sinema Rabu @ CMTHub UiTM Shah Alam
26 JUN 2024



ULASAN FILEM

Apa Kata
Mereka?



NOW
SHOWING



"I'm looking as a perspective of non-muslim because certain parts depend on the contexts and backgrounds also. Uhh me looking from perspective of non-muslim, i think it I can related to flow of history way of politic lah. Uhh the power struggle uh dia, dia bukan lah asing sangat lah bagi ke Malaysia to have "oh ada juga insiden insiden sebelum macamni" so dia tidak asing bagi kita."



DR. KHONG KOK WAI

"Saya suka dia sangat *detail* lah. Uhm, *detail detail* yang dia bagi. Contohnya, saya rasa kenapa dibuat Adam ni seorang yang baik ada niat baik semua, sebab di rumah di tunjuk bapak dia sangat *strict* kan? Hisap rokok kena rotan semua. So daripada itulah dah tunjuk dia punya *detail* dan bagaimana dia bawa diri dia. Dan dia naif lah sebenarnya. Naif. Dan dia bukannya saja saja nak *corrupt*, dia takde pilihan. Banyak diugut dan apa dan dia terpaksa buat pilihan dan banyak jugak pilihan- pilihan dia buat tu, pilihan yang sukar perlu dia buat."




ADAM TAUFIQ

"I think *body language* yang membuatkan dia *contradict*, and fokus terhadap karakter itu and then, saya rasa dari segi muziknya, muzik, I think the, most, saya rasa, tanpa muzik. Bila dia kata dia punya *intense*, dia, apa? Dia macam kita rasa berdebar-debar waktu takde muzik tu. Ah, towards bila muzik tu, terus *give a dramatic effect*, and, kalau kita *dot context*, so, the context so, sambil-sambil saya tengok tu, saya *actually*, raib muka, like, the context of state, apa? The, it's a *military Egyptian*, and the power of state tu nak menguasai *education* dan juga *religion* sebenarnya."



PUAN NABILAH



ULASAN FILEM

Apa Kata Mereka?



DR. SAIFUL AKRAM

"Since Dr. Norman memaklumkan tadi sutradaranya itu berkelulusan philosophy. So, di sini kalau cereka-nya atau filem ini untuk disandarkan pada commercial success ataupun pada pengamatan layman ataupun orang biasa, mungkin tidak nampak halatujunya itu, strateginya tu. Tapi for those yang kaji dalam filem study, membaca gerakannya, kan... ada kritik yang mengatakan ini idea sutradaranya itu sendiri..Dalam memotretkan ataupun mencitrakan Vietnam dalam pengamatannya"

"Saya tengok dari mulapun dah tahu dah ni dalam studio. Pada asalnya la. Tapi apabila dia berjaya menggambarkan, saya melupakan studio tu. Saya cuba berimajinasi bersama dengan foto-foto, gambar-gambar ditunjukkan tu. Cuba menyelami jiwa protagonis tu. Saya rasa menariknya di sini, saya kira dia, pengarah tu melihat dari perspektif *feminisme*."




PROF. DR. MOHD KIPLI ABDUL RAHMAN

Dia lebih kepada menggambarkan macam mana kita menjaga budaya kita, so sama macam dalam cerita ni lah. Daripada dia kecil, makanan dia ialah betik muda yang dibuat macam somtam something like that kan? Dan bila dia dah besar tu pun makanan tu tetap yang sama. So that's why mungkin, disebabkan itu tajuk filem ini sendiri ialah "Green Papaya" so daripada dia kecil sampai dia besar "Papaya" tu tetap hijau. Manusia berkembang, manusia semakin meningkat usia, manusia semakin berevolusi, tapi betik itu tetap sama dan warna hijau untuk dia makan lah so maybe itu lah kot yang saya nampak.



ENCIK MIZAN



ULASAN FILEM

Apa Kata Mereka?



"Good video memory and nostalgia. Saya rasa memory tapi dia bukan pasal memory yang kita kena appreciate sangat tradition, kita cuma like one cycle. Kalau kita nak kata parents apa semua kan cerita itu tak reveal bapak dia tu macam mana kan. That's one cycle, renovate tulah kan. First, the technique very creative, dia punya angle, dia firm dengan keputusan dia. Each shot static. Very powerful movement within somewhat negatives piece yang ada dan dia berubahlah."



Ts. Dr. Mohd Erman Maharam



Wan Ainaa Atiqah

"It's very straightforward sebenarnya sebab family, sebab house tapi I think yang pada saya, yang saya nampak is the meaning of the house. Some people would see just as a house tapi ada di antara yang anggapnya sebagai home. So bila orang yang the family members yang anggap it's just a house, it's easy for them to just leave the house and move on with their lives. The house is just building that they used to lived. Tapi for the mother yang dia cuba untuk satukan anak-anak dia and still you know, come to the house whatnot is because the house is not just a house, its home for her."

"filem ni berkenaan dengan memori, dia memori yang linear lah, uhh sebab kalau nak diukur dari sudut nostalgia tu dia ada reflektif nostalgia lah. Reflektif tu di mana uhh.. pengarah ni dia tahu yang umm apa, nostalgia dia tu akan meninggalkan dia lah dan dia pun akan meninggalkan dunia ni untuk kekurangan yang hakiki kan. Umm, dan reflektif nostalgia ni sebenarnya dia uhh sebagai retapan dan juga renungan untuk dia punya memori lah, nostalgia dia. So that's why dia adalah nostalgia reflektif yang orang kata mungkin dari sudut hati dia, dia meratapi memori-memori dia yang lalu, dia bukanlah satu keinginan yang perdanabaa nak kembali semula ke masa lalu, tapi dia meratapi di sebalik dia punya memori, and then umm untuk rumah itu pula adalah mungkin boleh jadi simbolik kepada kasih sayang, percintaan sebab dia mula-mula pembukaan dalam scene itu pun dia dah menunjukkan ada kelahiran kan dan juga kematian jadi itu adalah satu simbolik umm untuk ini lah uhh rumah tu sebagai bukan sahaja tempat berteduh tapi juga sebagai orang kata ada umm musuh, kelahiran, kepulangan dan sebagainya"



Penonton /pensyarah



TRANSKRIP DISKUSI FILEM **BOY FROM HEAVEN** SINEMA RABU@CMTHUB 15 MEI 2024

OLEH : MUHD AMIRUL RASYID BIN ROSLI

Dr. Norman Yusoff

"Boy from Heaven". Untuk maklumat semua filem ini ada judul alternatif ya. Contohnya di Amerika Syarikat di ditayangkan mengguna judul "Cairo Conspiracy". Secara peribadi saya suka judul "Boy from Heaven" tulah. Sebab yelah saya rasa lebih tepat ataupun lebih diingat berbanding "Cairo Conspiracy". Dan filem ini untuk maklumat semua dia diharamkan tayangannya di Mesir ermm bukan sahaja kerana filem ni tapi pengarah, macam ada sejarahlah menghasilkan filem tentang Mesir sebelum ini. Ada kritikan dalam politik Mesir. Pada 2017 dia menghasilkan filem berjudul "The Nile Hilton Incident" berdasarkan kisah benar sebenar, pembunuhan seorang selebriti dan korupsi polisi mesir. Itu menjadi sebab. Dan filem ini difilemkan di Turki, (gelak) ya masjid Al-Azhar tu semua tu semua adalah mock-up yang dibina. Kebanyakannya di lokasi-lokasi di Turki, tidak dapat difilemkan di Mesir. Yang menariknya ummm filem ini memberi kita sedikit gambaran agak banyak tentang politik Mesir dan juga hubungan politik dan juga islam menerusi institusi pengajian Al Azhar tu dan saya melihat sebenarnya filem ini menunjukkan pada kita, bagi sayalah hubungan status islam itu sendiri dengan politik itu bukan mudah yang kita faham ataupun kita perspeksikan sebelum ini. Contohnya macam islam yang tak ada campur tangan politik, versi neutral pastu ada campur tangan politik apa itu yang corrupt, yang tak elok saya rasa lebih rumit dan lebih kompleks. Kita lihat bagaimana dan perkara yang saya kurang gemar adalah, saya suka filem ini tetapi yang kurang saya gemar adalah dia menggunakan sentuhan hollywood, dan genre menggunakan rangka atau acuan genre Thriller, saya pun terdedah banyak tapi saya tiada masalah dengan itu kerana subjek nya menarik dan juga lain sedikit. Tetapi dia punya itu menggunakan perkataan yang lebih hollywood di sini, tetapi saya tidak melihat ini sebagai sebuah filem Thriller semata-mata kerana saya rasa ada yang lebih besar dan lebih mendalam. Ada satu lagi alur jalan cerita tentang pembangunan Adam sebagai seorang insan, manusia. Saya rasa itu transformasi yang dilalui, saya rasa itu lebih besar sebenarnya. Cerita tersebut menceritakan dalam konteks naratif atau filem menuju dewasa dan cerita itu saya lebih tertarik dengan cerita-cerita korupsi politik itu kan yang dilalui dan sebenarnya memantapkan, mendewasakannya dan jugak ada kaitan dengan dia punya keteguhan iman dan saya rasa sebab dia bermula dengan niat dan "nawaitu" yang betul, kan? Saya rasa saya sedih, tersentuh waktu imam buta tu kata dekat dia yang dia sebenarnya tak perlu dah, sebenarnya bermaksud dia dapat lebih melampaui apa yang dia dapat di Al-Azhar, saya rasa itu sesuatu yang cukup bermaknalah. Agak tersentuh. Ya ummm, kita boleh lihat antara perkara yang menarik, saya tertarik juga adalah visual design filem ini ada pensyarah-pensyarah filem dan jugak artand design yang melihat dari segi visual nya mengagumkan sinematografinya dan jugak ummm apa ermm ada babak itu yang undian dibuat untuk memilih imam besarnya dan disandingkan dengan shot mengambil wuduk, saya rasa itu adalah menarik. (mencelah)

Dr. Syahrul Fithri Musa

Dr. Norman Yusoff

Yaaa itu pengaruh dalam filem, pengajian filem ini Soviet Formalism salingan shot yang bertembung ataupun konflik yang membawa makna lain ya. Apa, undian yang ni, tetapi lepas itu disalingkan dengan shot penyucian, bersih wuduk ya bagi saya rasa itu sangat menarik lah. Itu agak berkuasa bagi saya symmetric, menunjukkan dia bukan yang berlaku antara. Ya, saya nak dengar pandangan, saya nak dengar cukup ke Dr. Syahrul?

Dr. Syahrul Fithri Musa

Boleh takpe takpe

Dr. Norman Yusoff

Ya, alright. Dr. Syahrul nak saya cakap lebih la (gelak), okay

Dr. Syahrul Fithri Musa

Silakan sesiapa yang nak

Dr. Norman Yusoff

kita ada professor-professor madya semua hari ini terima kasih sebab datang ya, doktor doktor ramai sini, hari ni ya

Dr. Saiful Ikram

Kalau boleh saya mulakan

Dr. Norman Yusoff

Ya silakan, Dr. Saiful Akram





D

D

Dr. Saiful Ikram

Dr. Norman Yusoff

Dr. Saiful Ikram

Audiences

Dr. Saiful Ikram

Dr. Norman Yusoff

Dr. Saiful Ikram

Dr. Norman Yusoff

Pn. Nabilah

Dr. Norman Yusoff

Pn. Nabilah

Dr. Norman Yusoff

Pn. Nabilah

Dr. Norman Yusoff

Bismillahirrahmanirrahim, pertama kalinya terima kasih kerana mengundang dan juga mempertontonkan satu filem yang intense, memaparkan dari sudut pandang kerana apa kita membina naratif para ilmuan kita di negara ini, lulusan Al -Azhar dan kita lihat dari sudut pandang yang dibawa oleh mereka di negara kita, tapi dalam filem itu dipaparkan sisi berbeda itu yang saya ingat agak menarik jugak, bagaimana ada komplotan yang menentukan hingga kepada satu posisi yang sakral itu kan, yang menjadi satu pautan, rujukan ataupun iman orang Mesir. Kerana apa di awal tadi di pertontonkan, dihujahkan mengatakan "Sinar islam itu bermula ataupun cahayanya itu pada Al- Azhar" indikasi menunjukkan tanda kesyukuran kekuatan ilmu timur, itu dibina di Al- Azhar. Seperti mana kekaguman barat kepada Cambridge kepada Oxford dari sisi ini menarik kalau melihat council itu macam ada council kepaderian, kegerejaan dalam menentukan council yang mana keterlibatan terus urmm politik yang turut masuk campur dalam menentukan. Ini mengingatkan saya pada satu karya yang ditulis oleh Friedrich Hayek judulnya The Road to Serfdom, jalan perhambaan yang ini apa yang dirancang hingga kepada institusi yang sakral dari segi keimanan Al- Azhar. itu ditentukan oleh negara. Itu yang ditulis oleh Hayek yang mengatakan perancangan national hidup tatacara tata hidup kita ditentukan oleh negara sampaikan hidup ataupun disingkirkan daripada dunia ini negara yang ditentukan. Itu ditulis dalam Friedrich Hayek itu mengkritisi sistem sosialisme, sistem err fasis sewaktu rejam perang dunia dan disitu saya ingat melihat peperangan, cukup menarik, against institusi agama berlaku kecurangan-kecurangan yang saya katakan tidak, tidak menghairankan ada illegitimate child itu Syeikh Durani itu, kerana di negara kita juga jelas, mudir-mudir tahfiz itu yang menjadi jakuan lewatnya

Okay Dr.

Disini berlaku kontradiksi yang sangat intense melibatkan institusi keagamaan itu satu dari sudut, dari sudut kalau saya mencermati dari sudut falsafah bagaimana perjalanan-perjalanan keagamaan. Itu tidak boleh lari daripada keagamaan, iaitu, tidak boleh lari daripada kepolitikan. Kenapa? Kita, kita cuba uh, apa? Uh, kan kita memberi uh, kritisan, uh, kritikan kepada sistem barat sekularisme, datang melihat pada hakikatnya, uh, junjungan rasul sendiri pun membawa sistem, uh, humanisme republikan, res publica, yang, yang dibina. Lepas tu, kita tak perlu nak berlari dari acuannya, tapi cara mana nak memadai. Ya, itu, yang itu saya dah, sedikit, sebanyak komen daripada saya, daripada apa yang saya, saya, saya pandang pada sudut medan, uh, mengupas satu-satu, saya memanjangkan apa yang Dr. Norman ulas tadi tentang-

"Nanti patah?" "Tentang niat?" "Tentang hasbi tak?"

Tentang "niat" (نِيَّة). Kenapa- uh. Imam Al-Bukhari sewaktu memulakan untuk menulis, menukilkan, sahih Bukhari tu, dia, dia memulakan kitab itu dengan "inna a'malu binniyat" (إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ) Yang itu yang menjadi pedoman kita juga. Setiap, setiap apa yang kita gerakkan dalam hidup, kencana-kencana hidup itu dimulai oleh "nawaitu" (نَوَيْتُ) kita, intuitif-intuisif, dan itu juga yang menutup filem ini dengan satu pertanyaan Syeikh di kampung Manzala itu tadi, yang mengatakan, apa hidup yang kau lalui? Pedoman apa yang kau belajar? So, diakhiri dengan melayari gelombang. Lepas tu penuh, tanda-tanda Allah. Kita lihat lautan itu yang sangat, sangat misterius dalam alam, and then, gelora, badai, terdapat, terdapat meneroka mana di daratan, saya, itu simbolisme-simbolisme yang agak menarik yang kita boleh cermati, lebih cerap sewaktu mengamati, uh, karya ini, uh, dan juga, dan dia agak menarik juga kan? Uh, bila berlaku, uh, penghukuman atau pun pidana, itu mereka, akan menghukum itu mereka akan naik, di minaret. Itu tak agak menarik pada saya, ke- pembunuhan, kecuriaan, jenayah, krimtindak, kriminal, itu berlaku sewaktu mereka, uh, apa? Mendaki minaret yang mana kita lihat dalam, dalam islam itu, memberi simbol azan, itu kan? Uh, para, para muazzin akan mengazankan di, di minaret yang membawa uh, seruan-seruan pahit, seruan-seruan uh, seruan-seruan apa? Uh, positif ataupun optimis "hayya 'ala ṣ-ṣalāh, hayya 'ala l-falāh" (حَيَّ عَلَى الصَّلَاةِ , حَيَّ عَلَى الْفَلَاحِ) tetapi, berlaku pada sebaliknya. So, berlaku contradict scenenya, kata, orang ni atau dilemma yang sangat, yang sangat mengujakan kita. Itu agak menarik kan? Ber laku kependahan, kepeluhan, baik kepada buruknya itu, saya tengok itu, normal dalam hidup. Itu, okay, itulah daripada saya, kupas sedikit

Terima kasih, ya, falsafah menarik

Eh, tak, terima kasih Dr. Norman

Yeah, ada lagi? Yang nak sambung? Pn. (Inaudible), Dr. Saiful? Yeah, ada beri pandangan? Sila kan. Minta maaf, uh, boleh saya tau nama ni?

Bagi nama? Uh, saya, uh, Pn. Nabila daripada -

Pn. Nabilah

Oh. Pengajian Budaya Visual bawah Fine Art-

Ah, Budaya Visual

Uh, okay, so-

Dekat filem? Termasuk kan? Ke separates?





D

D

Pn. Nabilah

Audiences

Pn. Nabilah

Dr. Norman Yusoff

Pn. Nabilah

Dr. Norman Yusoff

Male Audience 1

Audiences

Male Audience 1

Pn. Nabilah

Dr. Norman Yusoff

Pn. Nabilah

Uh, memang kita melihat, membaca visual yang, as a whole. Kami, kalau dari segi artworks tu, mungkin uhm, lebih ke arah tu tapi saya rasa ketika menonton filem, bila tonton filem, kita membaca elemen-elemen tu, cuma ada tambahan mungkin dari segi emotionnya, daripada segi sinematografinya, so actually, I, have a few notes lah. Okay, bila membaca filem, dari segi dialog mungkin sebab dia adalah bahasa yang berbeza. Dia cuma, okay, mungkin fahaman dari segi macam, uhm, masa mula-mula diperkenalkan, dia pergi coffee shop tu, bila dia nak order latte tu and then dia sebut duck kan? Tu dia sebut duck, which is, possibly, mungkin, sebutan itik itu adalah "batta/batté" (بَطَّة), latté, batté mungkin begitulah. So, untuk menangkap elemen dialog itu saya rasa tidaklah orang kata terlampau, uh, tersirat sangatlah. Benda yang very, kita boleh tengok secara surface je and dari segi body language of the actors, saya rasa especially yang jadi Adam tu kita rasa conflict, of apa dia, daripada awal sehingga akhir dan saya rasa towards sampai dia, dia, sort of corrupted juga, because, in the beginning, dia melakukan motivation dia adalah kerana ayahnya and then, bila towards, uhm, I think somewhat in the middle, towards the end tu, dia tidak, mempertanyakan tentang macam orang kata, like, motivation dia, macam dia tidak, uh, tidak kata, okay, kene bantu ayahnya dan sebagainya, until dia ditangkap. So, baru, uh, diugut, and I think, baru waktu tu dia, possibly have that coming of age lah, from innocence, to be a bit corrupted dan saya rasa ada sedikit- Saya taknak panggil dia redemption, but I'm saying dia ada se- Mungkin ada penyesalan, lah, towards the end tu. And, uhm, dari segi warna, saya rasa warna, muted, lah, muted means that, uh, dia, walaupun dia adalah main character, kita tak nampak dia contradict with other-

Baju dia?

